Ketika Allah menciptakan syurga dan neraka, Dia mengutuskan Jibril ‘alaihis salam

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: «Ketika Allah menciptakan syurga dan neraka, Dia mengutuskan Jibril ‘alaihis salam ke syurga, lalu Dia berfirman: 'Lihatlah kepadanya dan kepada apa yang telah Aku sediakan untuk ahlinya di dalamnya.' Maka Jibril pun melihatnya lalu kembali dan berkata: 'Demi kemuliaan-Mu, tidak ada seorang pun yang mendengarnya melainkan pasti akan memasukinya.' Maka Allah memerintahkan agar syurga diliputi dengan perkara-perkara yang dibenci, lalu Dia berfirman: 'Pergilah kepadanya, lihatlah kepadanya dan kepada apa yang telah Aku sediakan untuk ahlinya di dalamnya.' Maka Jibril melihat kepadanya, dan ternyata ia telah diliputi dengan perkara-perkara yang dibenci. Lalu dia berkata: 'Demi kemuliaan-Mu, sesungguhnya aku bimbang tiada seorang pun yang akan dapat memasukinya.' Dia berfirman: 'Pergilah, lihatlah neraka dan apa yang telah Aku sediakan untuk ahlinya di dalamnya.' Maka Jibril melihat kepadanya, dan ternyata api neraka bergelora sebahagiannya menimpa sebahagian yang lain. Lalu dia kembali dan berkata: 'Demi kemuliaan-Mu, tiada seorang pun yang akan memasukinya.' Maka Allah memerintahkan agar neraka diliputi dengan syahwat, lalu Dia berfirman: 'Kembalilah dan lihatlah kepadanya.' Maka Jibril melihat kepadanya, dan ternyata ia telah diliputi dengan syahwat. Lalu dia kembali dan berkata: 'Demi kemuliaan-Mu, sesungguhnya aku bimbang tiada seorang pun yang akan selamat daripadanya, melainkan dia pasti akan memasukinya».

[حسن] [رواه أبو داود والترمذي والنسائي]

Nabi ﷺ memberitahu bahawa apabila Allah menciptakan syurga dan neraka, Dia berfirman kepada Jibril عليـــــــــــه السلام: "Pergilah ke syurga dan lihatlah kepadanya," lalu dia pergi melihatnya, kemudian kembali, Maka Jibril berkata: "Wahai Tuhanku, demi keagungan-Mu, tiada sesiapa pun yang mendengar tentangnya serta segala kenikmatan, kemuliaan dan kebaikan yang ada di dalamnya, melainkan dia pasti berhasrat untuk memasukinya dan beramal deminya." Kemudian Allah meliputi syurga dengan perkara-perkara yang dibenci dan kesukaran, iaitu melakukan segala perintah dan menjauhi segala larangan; maka sesiapa yang ingin memasukinya, hendaklah dia melepasi perkara-perkara yang dibenci tersebut. Kemudian Allah Azza wa Jalla berfirman: Wahai Jibril! Pergilah dan lihatlah syurga, setelah Aku mengelilinginya dengan perkara-perkara yang dibenci, Maka dia pun pergi melihatnya, kemudian kembali lalu berkata: “Wahai Tuhanku, demi kemuliaan-Mu, aku takut tiada seorang pun akan memasukinya disebabkan kesukaran dan kepayahan yang ada pada jalannya.” Dan apabila Allah SWT menciptakan Neraka, Dia berfirman: “Wahai Jibril! Pergilah dan lihatlah ia,” maka Jibril pun pergi lalu melihatnya, Kemudian Jibril datang lalu berkata: "Wahai Tuhanku, demi kemuliaan-Mu, tidak ada seorang pun yang mendengar tentang azab, kesengsaraan dan penyeksaan yang ada di dalamnya, melainkan dia pasti akan benci untuk

memasukinya dan akan menjauhi sebab-sebabnya." Kemudian Allah SWT mengelilingi Neraka dan menjadikan jalan yang menuju kepadanya dengan syahwat dan kelazatan, kemudian Dia berfirman: “Wahai Jibril, pergilah dan lihatlah kepadanya,” Maka Jibril pun pergi lalu melihat ke arahnya, kemudian dia kembali dan berkata: "Wahai Tuhanku, demi keagungan-Mu, aku sangat bimbang dan khuatir bahawa tiada seorang pun yang akan selamat daripadanya; kerana ia dikelilingi oleh pelbagai syahwat dan kelazatan."

http://www.sunnah.global/hadeeth/ms/show/65034